

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR]**

TARIKH : 17.11.2015 (SELASA)

SOALAN :

**Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta
PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) sejauh manakah Kerajaan meneliti cadangan untuk meletakkan SPRM di bawah Parlimen supaya ia dapat membersihkan persepsi negatif mengenai integriti badan berkenaan; dan
- (b) adakah perkataan 'bebas' akan dimasukkan dalam nama suruhanjaya berkenaan menjadikan namanya, Suruhanjaya Bebas Pencegahan Rasuah Malaysia.

JAWAPAN: YB SENATOR DATUK PAUL LOW SENG KUAN
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tan Sri Yang di-Pertua,

- (a) Cadangan Yang Berhormat sememangnya cadangan yang baik. Namun pada masa kini, SPRM bebas melaksanakan tugas tanpa perlu melaporkan atau mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada mana-mana pihak dalam menjalankan sesuatu siasatan sebagaimana termaktub di bawah Akta SPRM 2009. SPRM juga dipantau oleh lima entiti luar yang terdiri dari individu-individu yang berintegriti tinggi serta mempunyai kepakaran-kepakaran profesional yang terdiri dari mantan Hakim, Peguam, Akauntan, Pensyarah, mantan Pegawai Tinggi Kerajaan, Ahli-ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta pemimpin NGO.
- (b) Kerajaan amat mengalu-alukan cadangan dari Yang Berhormat dan akan mempertimbangkan sewajarnya. Namun sebagaimana yang telah dinyatakan, walaupun tiada perkataan ‘bebas’ pada SPRM, perubahan nama dan struktur dari Badan Pencegah Rasuah (BPR) kepada SPRM pada tahun 2009 sendiri telah mencerminkan hasrat Kerajaan bagi menambahbaikkan keberkesanan SPRM yang didokong oleh kebebasan dan ketelusan.

Sekian, terima kasih.